



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN DATO' ROSMAN MOHAMED SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BANK RAKYAT

KUALA LUMPUR, 28 Januari 2020: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini mengumumkan pelantikan YBhg Dato' Rosman Mohamed sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bank Rakyat berkuat kuasa 1 Februari 2020.

Dato' Rosman telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat pada 1 April 2019 dan seterusnya memegang jawatan sebagai Pemangku Pengarah Urusan mulai 1 Ogos 2019. Dengan pelantikan beliau sebagai CEO Bank Rakyat yang baharu, Dato' Rosman akan meletakkan jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat.

YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, berkata pelantikan ini dibuat selepas Dato' Rosman menunjukkan prestasi yang amat baik dalam tempoh pemangkuan jawatan berkenaan.

“Beliau juga menunjukkan komitmen dan konsistensi yang cemerlang dalam menerajui pelaksanaan BR25 dan inisiatif untuk memperkasakan sistem perbankan teras Bank Rakyat yang dijadualkan akan beroperasi pada bulan Jun 2020 kelak,” tambah beliau.

Selain itu, Dato' Rosman telah melakukan anjakan untuk meningkatkan sektor keusahawanan dan koperasi seiring dengan aspirasi Kementerian seperti peningkatan pembiayaan, pelaksanaan pusat PKS dan pelbagai bentuk khidmat nasihat dan konsultasi kepada syarikat dan koperasi yang berpotensi serta berdaya maju” tambah Datuk Seri Mohd Redzuan lagi.

"Pelantikan beliau juga telah dimuktamadkan melalui proses penentusahan 'layak dan sesuai' oleh Bank Negara Malaysia”, katanya.

Dato' Rosman adalah pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Saint Louis, Missouri, Amerika Syarikat dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Urbana, Ohio, Amerika Syarikat.

Beliau tidak asing lagi dalam bidang perbankan. Dato' Rosman pernah berkhidmat di Bank Rakyat sebagai Pengurus Besar Kanan, Perkhidmatan Korporat dari 1 Oktober 2012 sehingga 31 Disember 2013. Begitu juga di Maybank sebagai pegawai kredit dan Ketua Latihan dan Pembangunan Kerjaya dari 1987 sehingga 1993.

Beliau turut berpengalaman luas dalam bidang pengurusan di dalam dan luar negara termasuklah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Interim di Cabot, Hong Kong dari 2006 sehingga 2007. Sebelum dilantik sebagai ahli lembaga pengarah Bank Rakyat, Dato' Rosman ialah Pengarah Urusan, Pusat Kecemerlangan Syarikat Abdul Latif Jameel (ALJ), Arab Saudi, pengedar Toyota swasta terbesar di dunia selama tujuh tahun.

-TAMAT-